

Kita hanya ada satu Bumi

U.M 22/04/68 M/s 11

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
(WARTAWAN UTUSAN)

MALAM 31 Mac lalu, ketika kebanyakan negara di seluruh dunia bersatu tenaga meringankan beban kesakitan Bumi dengan bergelap selama kira-kira

kemarau yang berpanjangan, salji di kawasan terasing, tanah runtuh, tsunami dan banyak lagi yang berakhir dengan ratusan nyawa menjadi korban.

Malah ketika ini, penduduk dunia sekali lagi menanggung kesan daripada pembalasan Bumi apabila bekalan makanan semakin

Tidak ada planet lain di cakerawala ini yang boleh didiami melainkan Bumi. Dengan hakikat itu, manusia tidak mempunyai pilihan selain bersahabat dengan alam serta penghuni semula jadinya dan tidak melakukan kerosakan sewenang-wenangnya

DR. SALLEH
MOHD. NOR
bekas
Presiden
Persatuan
Pencinta Alam
Malaysia
(MNS)

satu jam, penulis menunggununggu reaksi yang sama daripada rakyat di negara ini.

Banyak perkara yang membuatkan penulis teruja dengan usaha yang digerakkan secara *online* itu sehingga menyaksikan monumen-monumen ikon dunia seperti Opera House di Sydney, jambatan Golden Gate di San Francisco dan bangunan tertinggi Amerika Syarikat, Menara Sears di Chicago bergelap.

Antaranya, hakikat bahawa rakyat Malaysia merupakan antara warganegara teramai yang memberikan sokongan kepada usaha itu dengan mendaftar pada laman web tersebut.

Malangnya, sikap orang kita yang hanya pandai bercakap tetapi tidak bertindak sekali lagi terbukti apabila malam itu, kebanyakan kawasan terutamanya di ibu kota Kuala Lumpur masih terang-benderang.

Secebis ingatan ini membawa penulis kepada kemungkinan nasib yang sama yang bakal terjadi sempena sambutan Hari Bumi yang akan diraikan oleh seluruh dunia buat kali ke-38, hari ini.

Sejauh mana Hari Bumi yang bertemakan *A Call For Climate* mampu mencuri sedikit kesedaran dalam kesibukan harian warga Malaysia, memberi bayangan bagaimana Bumi yang didiami hari ini akan diwariskan kepada generasi akan datang.

Sakitnya Bumi dengan segala macam pencemaran baik di daratan, udara mahupun lautan yang sebahagian besarnya disebabkan oleh tangan-tangan rakus manusia sudah terlalu banyak didedahkan.

Kesannya semakin dirasakan di kad ini apabila suhu permukaan Bumi semakin panas dan perubahan iklim global (*global climate change*) menjadi luar biasa sehingga melahirkan La Nina, El Nino dan sebagainya.

Lalu terjadilah fenomena alam yang tidak pernah disangka-sangka seperti banjir besar,

berkurangnya kerana salah satu puncanya disebabkan bencana alam seperti banjir dan kemarau.

Situasi yang sedang berlaku ketika ini sebenarnya hanyalah fenomena kecil daripada apa yang boleh berlaku kepada Bumi jika ia terus dicemari.

Ini kerana menurut saintis, Bumi boleh hancur di tangan manusia menjelang 2100 sekiranya pembebasan gas rumah hijau tidak dibendung dan kerosakan-kerosakan lain biarpun dalam saiz yang kecil dibiarkan berterusan.

Dalam peranan kita sebagai seorang manusia kerdil, aktiviti pembebasan gas rumah hijau, penebangan hutan dan penggondolan bukit barangkali terlalu jauh daripada kemampuan untuk menghalangnya.

Begitu juga kebimbangan saintis mengenai ais di 30 pergunungan salji yang mencair setengah meter atau suhu di permukaan lautan dan daratan yang meningkat kira-kira 0.67 darjah Celsius sehingga tahun lalu, di luar keupayaan kita untuk mendepaninya.

Namun, itu tidak bermakna kita tidak boleh menyumbang usaha ke arah menjadikan Bumi ini sebuah planet yang lebih baik pada masa depan, biarpun dalam keterbatasan usaha sebagai manusia biasa.

Bersandarkan kepada hakikat itu, bekas Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Datuk Dr. Salleh Mohd. Nor berkata, sambutan Hari Bumi perlu mengembalikan setiap daripada kita kepada realiti bahawa kita hanya memiliki satu dunia sahaja.

Dalam pemahaman yang lebih jelas, biar selama mana pun manusia ditakdirkan bernyawa, tidak ada planet lain di cakerawala ini yang boleh didiami melainkan Bumi.

Dengan hakikat itu, manusia tidak mempunyai pilihan selain bersahabat dengan alam serta penghuni semula jadinya dan ti-



BEBERAPA pelajar tingkatan 4 Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya yang menyertai program Membersihkan Pantai di Port Dickson sempena Hari Bumi, Ahad lalu.

tidak melakukan kerosakan sewenang-wenang.

Namun bersahabat dengan alam bukanlah dorongan yang baru dan diyakini sering dilayangkan oleh banyak pihak sejak berabad-abad lamanya.

Tetapi melihat kepada situasi semasa, jelaslah dorongan itu tidak mampu mengatasi keperluan kehidupan manusia, lalu kerosakan kepada Bumi tetap berlaku kononnya atas nama pembangunan.

Menafikan

Tidak menafikan bahawa pembangunan tidak dapat mengelak daripada memberi kesan kepada alam sekitar, Dr. Salleh bagaimanapun berpendapat, risiko tersebut boleh dikurangkan sekiranya semua pihak memahami konsep pembangunan lestari.

Pembangunan lestari bermaksud pembangunan seimbang yang memenuhi kehendak hidup masyarakat hari ini tetapi tidak

membelakangkan keperluan generasi akan datang lebih-lebih lagi daripada aspek keamanan alam sekitar.

“Meskipun pembangunan lestari ini bukanlah sesuatu yang mudah, namun ia boleh dilaksanakan sekiranya semua pihak terutamanya pemaju sanggup berkorban untuk kepentingan bersama,” katanya.

Tidak mahu sambutan Hari Bumi berlalu dengan pengisian yang kosong, Dr. Salleh berkata, seluruh rakyat Malaysia sewajarnya mengambil peluang hari ini bagi menunjukkan rasa cinta dan prihatin yang mendalam terhadap alam sekitar.

Antara yang boleh dilakukan ialah menggunakan kenderaan awam untuk ke mana-mana destinasi, menjimatkan penggunaan tenaga terutamanya air dan elektrik serta mendisiplinkan diri dengan budaya kitar semula.

Rakyat Malaysia keseluruhannya juga ujar beliau, boleh membuat keputusan yang memberi-

kan makna yang cukup besar kepada Bumi hari ini, dengan mendaftarkan diri dan menjadi ahli Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS).

Keanggotaan orang ramai sebagai ahli MNS ujar beliau, sangat diharapkan bagi membolehkan badan itu menjadi sebuah komuniti yang kuat serta menjadi suara kepada kerajaan dalam menyampaikan agenda kesedaran alam sekitar dengan lebih berkesan.

“Ketika ini, MNS hanya mempunyai kira-kira 4,000 orang ahli sahaja dan dengan jumlah yang sangat terhad ini, suara dan usaha kita terlalu lemah untuk berjuang kepada keamanan dan kelestarian alam sekitar.

“Dengan keanggotaan dan komuniti yang kuat, kita mengharapkan kerajaan satu hari nanti mampu melantik seorang Senator di kalangan aktivis alam sekitar dalam memastikan pembangunan negara selari dengan keperluan manusia dan alam,” kata Dr. Salleh.